

## Sinergi Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Kaedah Pembelajaran Heutagogi-Mediamorphosis di Institusi Pengajian Tinggi.

### *Synergy of Islamic Education Learning Based on Heutagogical-Mediamorphosis Learning Methods in Institutions of Higher Learning.*

Ruzainim Mohd Zelani<sup>1</sup>, Norhapizah Mohd Burhan<sup>2</sup>, Rosmawati Mohd Rasit<sup>3</sup>, Lokman Abdul Rasol<sup>4</sup>

| Terima      | Wasit       | Muat Naik e-Jurnal |
|-------------|-------------|--------------------|
| 05 MAC 2021 | 18 MEI 2021 | 30 JUN 2021        |

#### **ABSTRAK**

*Heutagogi merupakan alternatif pengajaran dan pembelajaran penentuan sendiri pelajar. Elemen pembelajaran strategi heutagogi ini dapat dizahirkan melalui pendekatan yang lebih harmonis iaitu penggabungan antara penentuan sendiri pelajar dengan penggunaan media baharu (mediamorphosis) seperti facebook, twitter, instagram, whatsapp dan youtube. Kaedah pelaksanaan pembelajaran berasaskan Heutagogi-Mediamorphosis di institusi pengajian tinggi membuktikan bahawa elemen pembelajaran penentuan sendiri pelajar dengan menggunakan media baharu adalah medium yang sentiasa menerima perubahan dan penambahbaikan. Ianya selari dengan keperluan dan kehendak Visi Pendidikan di Malaysia serta elemen penting bagi memacu perkembangan pesat dalam bidang teknologi pengajaran dan pembelajaran terutamanya di Institusi Pengajian Tinggi. Maka penulisan kertas kerja ini menggunakan metod kajian literatur secara umum terhadap lima puluh artikel dan hanya lima belas artikel sahaja yang mencapai objektif tema kajian. Akhirnya, tema-tema yang muncul berdasarkan analisis kandungan ialah meneroka, mencipta, kolaborasi, perkongsian, refleksi dan berhubung. Kesemua tema ini dapat memberi pendedahan kepada semua pemegang taruh dan institusi pengajian serta menjadi rujukan berkaitan sinergi pembelajaran Pendidikan Islam berasaskan Heutagogi-Mediamorphosis ini.*

**Kata kunci:** Sinergi, Pembelajaran Pendidikan Islam, Heutagogi, Mediamorphosis.

#### **ABSTRACT**

*Heutagogy is an alternative self determined learning of students. This learning element of heutagogical strategy can be expressed through a more harmonious approach that is the integration of students' self with the use of new media (mediamorphosis) such as facebook, twitter, instagram, whatsapp and youtube. The method of learning implementation based on Heutagogy-Mediamorphosis in higher learning institutions has proven that the elements of new media usage are mediums that always receive changes and improvements in line with the needs and requirements of Education Vision in Malaysia. Learning based on Mediamorphosis (new media) is a crucial element to drive the rapid development in the field of educational*

<sup>1</sup>Ruzainim Mohd Zelani, Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam, [ruzzel5046@gmail.com](mailto:ruzzel5046@gmail.com)

<sup>2</sup>Norhapizah Mohd Burhan, PhD, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Pahang, [izahuiaum@uitm.edu.my](mailto:izahuiaum@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Rosmawati Mohd Rasit, PhD, Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam (Universiti Kebangsaan Malaysia), [rosmawati@ukm.edu.my](mailto:rosmawati@ukm.edu.my)

<sup>4</sup> Lokman Abdul Rasol, Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Pahang, [lokman\\_87@uitm.edu.my](mailto:lokman_87@uitm.edu.my)

*technology especially in the Higher Education Institutes. So the writing of this paper uses the method of literature review in general on fifty articles, but 15 articles focused on research theme. Finally, the themes that emerge based on content analysis are exploring, creating, collaborating, sharing, reflecting and connecting. All these themes can provide exposure to all stakeholders and educational institutions as well as be a reference related to the synergy of Islamic Education learning based on Heutagogy-Mediamorphosis.*

**Keywords:** *Synergy, Islamic Education Learning, Heutagogy, Mediamorphosis.*

## **Pendahuluan**

Secara dasarnya, sistem pendidikan pada hari ini telah melalui arena perubahan seiring dengan perkembangan pendidikan semasa. Perubahan ini merupakan amanat yang ingin dicapai khususnya melalui revolusi pendidikan 4.0. Ianya memperlihatkan bahawa terdapat empat sasaran iaitu, rekabentuk semula ruang pembelajaran, kurikulum boleh lentur & organik, pedagogi abad ke-21 serta teknologi pengajaran dan pembelajaran terkini (MoHE, 2018b).

Jika diperhalusi menerusi amanat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT 2021), terdapat perkaitan antara revolusi 4.0 dengan strategi hala tuju kementerian. Enam strategi yang diketengahkan iaitu, memperkasakan agenda pendigitalan pendidikan, memantapkan jaringan kolaboratif strategik, memperkukuh kebolehpasaran graduan, memacu kesejahteraan komuniti, mempersada kecemerlangan institusi dan menyemarakkan semangat (KPT, 2021). Selari dengan amanat KPT ini, fokus terhadap pengajaran & pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi wajar dititikberatkan terutamanya kepada agenda pendigitalan pendidikan. Penggunaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran melalui media baharu wajar dititikberatkan kerana membantu kebolehpasaran graduan di alam kerjaya. Bagi mendepani cabaran masa kini, tempoh krisis dan pemulihan yang berpanjangan memerlukan semua kumpulan sasaran untuk mencari solusi yang lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan kelestarian institusi pengajian tinggi terpelihara dan berjalan lancar (KPT, 2021). Kementerian mensasarkan seramai 116,161 graduan perlu diberi perhatian untuk ditingkatkan kebolehpasaran mereka yang meliputi 75,000 graduan tahun 2020 dan 41,161 graduan tahun 2019 yang masih belum bekerja. Maka, fokus terhadap kebolehpasaran graduan dengan kaedah pengajaran & pembelajaran di IPT sangat berkait rapat.

Menerusi saranan daripada Kementerian Pengajian Tinggi, para pensyarah perlu mentransformasikan pedagogi pendidikan 4.0 yang selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (MoHE, 2013). Salah satu idea dan alternatif yang membantu dalam pengajaran dan pembelajaran terkini adalah heutagogi. Heutagogi merupakan pembelajaran penentuan sendiri pelajar (Hase & Kenyon, 2001). Bersesuaian dengan konsep ini, pelajar sebagai agen utama dalam kaedah pembelajaran yang diatur sendiri (Ulishchenko, 2016). Di samping itu, pembelajaran bersifat futuristik ini sesuai diaplikasikan bagi melahirkan modal insan yang bercirikan seperti bijak menyelesaikan masalah, kreatif, inovatif dan fleksibel (Suhaimi et al., 2020; Kamrozzaman et al., 2019). Bahkan, para pelajar dapat menzahirkan proses pembelajaran sendiri melalui pendekatan heutagogi yang lebih canggih dan terkini (Agonács & Matos, 2019). Ekplorasi pencarian ilmu menggunakan media baharu juga dikenali dengan *mediamorphosis* giat diaplikasikan melalui teknologi pengajaran & pembelajaran terkini (*Latest L&T Technologies*). Terdapat pelbagai variasi, aplikasi terkini, dan bersifat multi dimensi. Ini bertepatan dengan ciri-ciri yang disasarkan dalam elemen ilmu IR4.0 (MoHE, 2018a).

Oleh yang demikian, pembelajaran secara heutagogi sangat diperlukan serta disokong oleh rangkaian teknologi baharu yang berkembang pesat untuk membantu aktiviti pembelajaran. Bahkan, peranan utama pendidik menerusi pendekatan heutagogi adalah sebagai mentor serta mengaitkan semua pendekatan kepada realiti kehidupan (Smith, 2017). Lazimnya, para pelajar yang memasuki pengajian tinggi perlu memperolehi pengalaman pendidikan yang berciri peribadi (*personal and tailored*), berasaskan pengalaman atau pembelajaran sendiri, pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong*) serta imersif dan interaktif (MoHE, 2018a).

Selari dengan keperluan Revolusi Pendidikan 4.0, Pendidikan Islam juga tidak terkecuali untuk bersaing dengan bidang ilmu yang lain. Pendekatan Mediamorphosis yang lebih canggih dan terkini juga memberi perubahan kepada sistem nilai (Mohd Yusoff & Hanafiah, 2015) serta perubahan masyarakat (Amizah, 2017). Selain itu, pendekatan pembelajaran menggunakan media baharu ini sangat diperlukan oleh pelajar bagi menzahirkan kaedah pembelajaran secara sendiri. Para pendidik pula dapat berkongsi dengan pelajar tentang aplikasi pembelajaran sendiri mengikut kreativiti pelajar (Agonács & Matos, 2019). Dengan penggabungan elemen pembelajaran melalui strategi Heutagogi-Mediamorphosis ini, ianya dapat membantu menghasilkan graduan yang bercirikan kreatif, inovatif serta bijak menyelesaikan masalah (Suhaimi et al., 2020) di samping memberi impak positif dalam prestasi akademik para pelajar (Omar et al., 2016).

Artikel ini membincangkan tentang kajian sinergi pembelajaran Pendidikan Islam berasaskan Heutagogi-Mediamorphosis yang berfokus kepada teori dan kajian-kajian lepas di dalam mahupun luar negara.

### Konsep Heutagogi-Mediamorphosis

Istilah heutagogi berasal dari Yunani iaitu 'diri' dan lanjutan daripada 'pembelajaran sendiri'. Teori ini dipelopori oleh Hase dan Kenyon (2001) yang memberi penekanan kepada pelajar untuk memperolehi ilmu pengetahuan secara langsung dan tidak linear (Hase & Kenyon, 2001). Pendekatan pengajaran dan pembelajarannya bersifat sendiri, holistik, serta berpusatkan pelajar (Marcut, 2018). Teori ini juga bersesuaian dengan konsep humanisme dan konstruktivisme (Hase & Hase, 2014). Ianya juga mendorong elemen motivasi dan kemampuan diri pelajar (Bandura, 1977). Antara kelebihan penggunaan strategi heutagogi ini adalah membantu pelajar melaksanakan tugas demi mencapai matlamat (Kamrozzaman et al., 2019). Ianya juga sebagai alternatif pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kemampuan diri pelajar bermula daripada pedagogi, andragogi kepada heutagogi (Hase & Kenyon, 2001). Keunikan sifatnya yang fleksibel membolehkan pelajar memilih sendiri konsep pembelajaran dan ianya sangat sesuai dengan keperluan Generasi Y dan Generasi Z (Hamdan, 2019). Selain itu, sokongan daripada Institusi Pengajian Tinggi juga penting dalam pembelajaran sendiri yang bersifat fleksibel (Malek, 2017) serta menjadikan pelajar sebagai agen utama dalam pembelajaran (Hase & Kenyon, 2007).

Manakala Mediamorphosis pula diperkenalkan oleh Roger Fidler pada tahun 1997 dengan mengemukakan enam prinsip. Prinsip pertama ialah *Convergence* (konvergensi) atau penyatuan iaitu, pengintegrasian media-media sedia ada ke dalam media baharu dengan merujuk kepada perkembangan teknologi komunikasi digital menerusi konvergensi jaringan (media boleh diakses melalui pelbagai cara). Kedua, *Coevaluation dan coexistence* (membantu dalam perkembangan dan kewujudan media baharu) yang merujuk kepada hubungan antara format yang lebih baharu dan berubah-ubah. Prinsip ketiga ialah *Metamorphosis*

(metamorfosis) iaitu, perubahan besar yang berlaku bagi mendapatkan sesuatu yang baru iaitu, format komunikasi baru sering mengekalkan ciri-ciri dominan dan berbentuk sedia ada. Manakala, prinsip keempat ialah *Propagation of dominant traits in media forms* (penyebaran sifat dominan dalam bentuk media). Prinsip kelima menjelaskan tentang kelangsungan hidup dengan kepelbagaian bentuk media dan perusahaan persekitaran yang berubah-ubah (*Survival of media forms and enterprises in a changing environment*). Maka, media yang sedia ada perlu mengikut perubahan semasa agar dapat mencapai matlamat dari segi penggunaannya. Prinsip terakhir ialah *merit and needs for adopting new media* (Peluang dan keperluan untuk menerima pakai media baharu) iaitu, inovasi format baru biasanya relevan dengan kehidupan mereka dalam suasana sosial, politik dan ekonomi pada masa itu.

Maka, jika diamati prinsip-prinsip Mediamorphosis ini, ianya berkait rapat dengan inovasi yang berasaskan teknologi. Pengintegrasian ilmu Islam dalam sains dan teknologi sememangnya diamanahkan kepada saintis muslim bahkan wajar diaplikasikan segera (Kamarul Azmi, 2016). Hal ini kerana sifat ajaran syariah Islam dan kajian sains yang sama dari segi fitrah dan tabiatnya. Selain ciri ini, penghasilan ilmu Islam yang bersifat *wasatiyyah* dan *syumul* menjadi kayu pengukur yang paling penting bagi menjamin ilmu yang dikaji dalam S&T berada di atas landasan kebenaran. Manakala teknologi yang dibina juga menepati dengan prinsip Islam yang lebih menekankan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Seajar dengan itu, adaptasi penggunaan media baharu ini juga memenuhi keperluan generasi muda yang mahukan segalanya cepat, mudah untuk diakses dan boleh diperoleh secara percuma. Contohnya, penyiaran berita melalui media baharu seperti media sosial, *facebook*, *twitter*, *instagram*, *whatsapp* dan *youtube* (Hisham et al., 2020). Selain itu, mediamorphosis yang melibatkan laman web sosial ini dijadikan medium untuk manusia berkomunikasi antara satu sama lain dan ianya fitrah dalam interaksi sosial (Rosmawati, 2012).

### Metodologi kajian

Tinjauan literatur dilakukan secara umum (*general literature review*). Sebanyak lima puluh artikel yang dipilih, tetapi hanya lima belas artikel yang berfokuskan kepada tema kajian dianalisis dalam kajian ini. Metod ini dipilih untuk menganalisis tema-tema yang muncul serta isu-isu umum yang berkaitan dengan pembelajaran Pendidikan Islam berasaskan kaedah pembelajaran heutagogi-mediomorphosis di institusi pengajian tinggi. Kajian literatur yang bersifat naratif ini memberikan ruang perbincangan yang luas mengenai isu-isu yang berkait dengan topik penelitian (Dickson, Cherry, dan Boland, 2017). Dokumen yang diberi tumpuan dalam kajian ini ialah polisi pendidikan Malaysia yang mengaitkan pembelajaran menerusi media baharu. Antara objektifnya ialah meneroka amalan pengajaran dan pembelajaran menggunakan strategi heutagogi-mediomorphosis yang efektif yang berada dalam dan luar negara. Maka, tinjauan literatur yang bersesuaian mengenai kajian ini telah diakses dan jurnal yang dikumpulkan menggunakan platform data elektronik.

Antara data elektronik yang digunakan untuk mencari artikel adalah melalui *EBSCO Host*, *Elsevier*, *Emerald*, *Eric*, *Google Scholar*, *Science Direct*, *JSTOR*, *Ojie*, *ProQuest*, *Sage Publications*, *Scopus*, *Link Springer*, *Taylor and Francis Online* dan *Wiley Online*. Beberapa perkataan utama dan kata kunci yang digunakan ialah heutagogi, mediamorphosis, pembelajaran sendiri, media baharu dan teknologi PdP abad ke-21. Selain itu, jurnal individu berkaitan penggunaan media dalam pembelajaran juga dianalisis secara terperinci, contohnya *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSAAS)*, *ASEAN Journal Of Teaching & Learning in Higher Education*, *Transformative Perspectives and Processes in Higher Education*, *Journal of Interactive Online Learning*, *Journal of Further and Higher Education*, *International*

*Journal of Education and Pedagogy, The Journal of Open Distance and E-Learning* dan *Jurnal Pendidikan Teknologi*. Tinjauan literatur ini bermula dari tahun 2016 hingga tahun 2020 serta data primer yang terhad kepada pengajaran dan pembelajaran heutagogi dan media baharu (mediamorphosis). Tumpuan terhadap tiga kriteria utama dalam pemilihan artikel kajian ini ialah pertama, artikel yang memberi penekanan kepada pembelajaran Heutagogi-Mediamorphosis secara umum di Institusi Pengajian Tinggi. Kedua, artikel tersebut juga mengkaji isu-isu mediamorphosis dalam pembelajaran Pendidikan Islam dan disokong dengan subjek umum. Manakala, kriteria ketiga, artikel tersebut menjalankan kajian di Institusi Pengajian Tinggi dengan melibatkan mahasiswa IPT dalam dan luar negara. Semakan telah dijalankan kepada kesemua artikel yang memenuhi objektif kajian ini dan beberapa hasil kajian telah diperolehi daripada tinjauan literatur serta tesis tertentu. Artikel yang tidak jelas dan meragukan tidak digunakan secara keseluruhannya dalam kajian ini. Hal yang demikian, untuk menjamin kualiti dan hasil kajian yang tepat di mana hanya artikel yang relevan dipilih berdasarkan tajuk, abstrak dan kata kunci yang telah dinyatakan bagi memenuhi tema penyelidikan ini.

### Dapatan kajian

Artikel-artikel yang disenaraikan dalam kajian ini berjaya menemukan tema dan item yang diperlukan dalam Sinergi Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Kaedah Pembelajaran Heutagogi-Mediamorphosis di Institusi Pengajian Tinggi. Terdapat lima belas artikel dalam Rajah 1 menunjukkan tema utama iaitu heutagogi dan penggunaan media baharu. Ianya juga dikaitkan dengan enam prinsip heutagogi yang sering ditemui melalui kajian-kajian lepas.

**Rajah 1: Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Kaedah Pembelajaran Heutagogi-Mediamorphosis Di Institusi Pengajian Tinggi.**

| TEMA               | TAHUN                      |  |                                |                            |                      |
|--------------------|----------------------------|--|--------------------------------|----------------------------|----------------------|
|                    | 2016                       | 2017   | 2018                           | 2019                       | 2020                 |
| <b>Meneroka</b>    | (George D. Magoulas, 2016) |  | (Ahmad Nasir & Noralina, 2018) | (Blaschke & Hase, 2019)    | (Putra et al., 2020) |
| <b>Mencipta</b>    |                            | (Abraham & Komattil, 2017)                       | (Blaschke, 2018)               |                            |                      |
| <b>Kolaborasi</b>  |                            |  |                                | (Kamrozzaman et al., 2019) |                      |
| <b>Perkongsian</b> |                            |  |                                | (Narayan et al., 2019)     | (Suhaimi, 2020)      |
| <b>Refleksi</b>    | (Jazeel, 2016)             | (Eachempati et al., 2017)                        |                                |                            |                      |
| <b>Berhubung</b>   | (Nadelson et al., 2016)    | (Abraham & Komattil, 2017)<br><br>(Amizah, 2017) | (Mulrennan, 2018)              |                            |                      |

Sumber: Kajian literatur dari tahun 2016-2020

Melalui analisis artikel, jurnal dan dokumen berkaitan kajian ini, peranan institusi pula sebagai pendorong dengan menyediakan kemudahan prasarana yang lengkap seperti modul kursus, pengurusan sistem dan pentadbiran. Manakala, peranan utama pendidik adalah untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menguruskan pembelajaran mereka sendiri, dari segi kandungan dan ruang pembelajaran. Strategi heutagogi dapat memberikan pendekatan berstruktur kepada pendidik dalam mengenal pasti tahap pembelajaran sendiri pelajar dan kemampuan mereka untuk merancang proses pembelajaran dengan sewajarnya. Para pendidik perlu memerhatikan ekologi pembelajaran yang menyediakan akses terbuka dan melalui hasil kawalan sendiri pelajar. Kemampuan pelajar ini dapat dilihat melalui elemen meneroka, mencipta, kolaborasi, berhubung, refleksi dan perkongsian pengetahuan dalam persekitaran atas talian (Blaschke & Hase, 2019). Penjelasan lebih terperinci mengenai tema-tema yang menerangkan enam prinsip heutagogi dengan menggunakan media baharu ialah :

#### a. Meneroka

Konsep asas dalam heutagogi dan sering menjadi contoh kepada pembelajaran nonlinear ialah elemen meneroka. Alat yang berkuasa dalam meneroka sesuatu bidang ialah penggunaan internet. Terdapat pelbagai enjin pencarian dalam talian seperti *google*, *bing*, *opera*, *firefox*, *internet explorer* memberikan banyak peluang kepada pelajar untuk mengeksplorasi ilmu (Blaschke & Hase, 2019). Platform sosial media seperti *Twitter*, *Facebook*, *Instagram*, *Pinterest* dan *LinkedIn* membolehkan pelajar mencari pakar atau perhubungan komuniti pembelajaran di serata dunia. Penggunaan teknologi media dalam pendekatan heutagogi ini dapat mengintegrasikan persekitaran pembelajaran di mana-mana (*ubiquitous learning*) serta diamalkan dalam pembelajaran formal dan tidak formal. Ia juga bersesuaian dengan pembelajaran sepanjang hayat apabila pelajar meneroka, mengenal pasti dan merebut peluang dalam pengalaman mengeksplorasi ilmu (George D. Magoulas, 2016).

Berdasarkan hasil pengesahan daripada pakar media, modul berdasarkan heutagogi telah memenuhi kriteria kelayakan dan daya tarikan pelajar. Kriteria tersebut antaranya ialah merangkumi gabungan warna, teks, dan gambar. Ini sejajar dengan pernyataan beberapa pakar bahawa eksplorasi pembelajaran yang inovatif ditentukan oleh kandungan yang mudah difahami. Maka, apabila pembelajaran sendiri menggunakan media dengan paparan menarik, maka ianya dapat menarik perhatian terhadap pembelajaran dan mudah difahami (Putra et al., 2020). Bahkan, eksplorasi ilmu turut disokong dengan '*tools*' gamifikasi yang menggunakan kaedah permainan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Heutagogi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) menjadi lebih menarik, interaktif dan '*engaging*'. Aplikasi seperti *padlet*, *gripflip*, *camtasia* dan lain-lain memudahkan proses pembelajaran dengan begitu interaktif, komunikatif dan afektif (Ahmad Nasir & Noralina, 2018).

#### b. Mencipta

Perisian seperti *power point*, *prezi*, *coggle* dan *blog* membantu pelajar menjadi seorang yang kreatif dalam menyampaikan maklumat. Penggunaan media sosial secara aktif memberikan pendedahan ilmu di laman wiki atau blog pelajar mengenai topik pembelajaran berasaskan masalah. Para pelajar dapat mencipta dan membentuk pembelajaran secara berkumpulan dan dikongsikan kemampuan ilmu yang diperolehi melalui blog mereka (Abraham & Komattil, 2017). Melalui kemampuan sendiri pelajar dengan menggunakan media sosial pula, ianya dapat memberi peluang untuk mereka mencipta ruang pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (Blaschke, 2018).

#### c. Kolaborasi

Kaedah kolaborasi bersama komuniti pembelajaran membolehkan pelajar memperoleh lebih banyak pengetahuan dan pandangan yang berbeza-beza. Kolaborasi adalah alat yang paling penting dalam proses pembelajaran terutamanya dalam pembelajaran berkumpulan. Selain itu, pelajar dapat menyelesaikan masalah bersama serta mempelajari sesuatu yang baru apabila berkolaborasi. Walau bagaimanapun, dengan kemudahan seperti *Google Docs* dan *Wiggio* menjadikan pembelajaran boleh dijalankan atas talian. Dalam elemen kolaborasi ini, pensyarah hanya perlu membantu apabila diperlukan sahaja kerana agen utama dalam heutagogi ialah pelajar (Kamrozzaman et al., 2019).

#### d. Perkongsian

Perkongsian hasil kerja pelajar membolehkan antara satu sama lain untuk mendapatkan manfaat. Sebagai contoh, pelajar boleh berkongsi melalui *SlideShare* dan *Research Gate*. Pelajar boleh mengkaji serta menilai hasil tugas masing-masing dan memberi maklum balas secara formatif. Pelajar juga digalakkan membangunkan portfolio profesional dalam talian menggunakan perisian seperti *WordPress*. Selain itu, penggunaan telefon bimbit, teknologi dan peranti mudah alih juga memberi manfaat kepada pengguna. Antara kemudahannya ialah mengakses sumber internet, menjalankan eksperimen di lapangan, menyimpan maklumat, berkomunikasi serta berkongsi maklumat bersama rakan sekerja dan pakar di seluruh dunia. Peranti mudah alih menggabungkan manfaatnya dengan media sosial serta membolehkan pengguna berkomunikasi dan berkongsi aktiviti kehidupan seharian di alam maya. Hujah ini memperkuat kemampuan pelajar yang merangkumi penggunaan alat media mudah alih dalam kursus yang disokong oleh prinsip-prinsip pembelajaran heutagogi (Narayan et al., 2019). Bahkan, prinsip perkongsian dalam heutagogi dapat ditonjolkan oleh pelajar apabila mereka berkongsi sumber pembelajaran melalui penggunaan media sosial. Maka, elemen kolaboratif dapat dizahirkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Suhaimi, 2020).

#### e. Refleksi

Pelajar perlu memberikan refleksi hasil pembelajaran supaya pelaksanaan heutagogi ini berkesan kepada pelajar. Perubahan sikap juga berlaku apabila elemen refleksi ilmu dihayati oleh para pelajar (Amizah, 2017). Refleksi boleh ditulis di dalam *blog*, atau menghasilkan penulisan ilmiah berdasarkan kursus yang dipelajari. Komen dan cadangan pelajar sangat bermakna untuk pembelajaran masa hadapan. Menurut (Jazeel, 2016), keberkesanan kaedah heutagogi dapat membantu pelajar bersedia pada masa hadapan. Ianya dapat dilihat melalui e-kandungan (*e-content*) yang mendorong pembelajaran berfikiran terbuka, refleksi, kritis dan aktif. Manusia dapat mengintegrasikan maklumat kepada pengalaman yang bermakna. Selain itu, refleksi melalui pembelajaran heutagogi yang fleksibel membuatkan pelajar berasa seronok. Buktinya apabila pembelajaran melalui medium *facebook* mempunyai kelebihan untuk menarik minat, keseronokan dan rasa ingin tahu pelajar serta menjadikannya alat yang sesuai untuk menyokong heutagogi. Ini kerana, generasi milenium sering menggunakan media dalam pembelajaran mereka (Eachempati et al., 2017).

#### f. Berhubung

Berhubung antara komuniti adalah komponen paling utama dalam heutagogi. Dengan berhubung antara sama lain, motivasi intristik pelajar akan meningkat disebabkan persekitaran pembelajaran yang sama dengan komuniti. Selain itu, kepelbagaian maklumat yang mudah untuk diakses menggunakan media, memberikan motivasi terhadap persepsi dan amalan

pelajar dalam pembelajaran yang ditentukan sendiri (Nadelson et al., 2016). Malah, kepelbagaian laman media sosial yang boleh diakses di mana-mana tempat dan situasi dapat memudahkan para pelajar berhubung dan berinteraksi dengan individu lain (Nadelson et al., 2017). Penggunaan media sosial dalam strategi heutagogi dapat menyokong autonomi pelajar, di samping menuntut penglibatan kognitif. Prinsip-prinsip heutagogi ini memberi peluang kepada pelajar untuk tampil dengan lebih produktif dalam dunia kini yang semakin mencabar (Abraham & Komattil, 2017). Selain itu, heutagogi juga mendorong pelajar untuk menggunakan teknologi mudah alih dan media sosial dalam bidang pendidikan kewartawanan. Implikasi di bidang kajian komunikasi dan hubungan masyarakat ini dapat melatih pelajar untuk berhubung antara satu sama lain melalui media penyiaran (Mulrennan, 2018).

## Kesimpulan

Kajian terhadap sorotan literatur mendapati, segala dokumen dan lima belas artikel yang dianalisis selari dengan dasar utama Falsafah Pendidikan Islam Malaysia, Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2021, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025, Falsafah Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (KTMH) dan Dasar IR4.0. Transformasi pendidikan pengajian tinggi Malaysia telah mengimplimentasikan ekosistem pembelajaran yang lebih fleksibel dan interaktif bagi melahirkan kebolehpasaran graduan. Ianya juga mampu menggunakan kemahiran secara proaktif, kreatif, inovatif untuk menyesuaikan diri dalam menangani perubahan persekitaran global di samping dapat meningkatkan kualiti hidup. Selain itu, ianya juga dapat memberi sumbangan terhadap kesejahteraan rakyat dan membantu untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan (KPT, 2021). Ciri-ciri modal insan cemerlang seperti berpengetahuan dapat mencetuskan idea kreatif dan inovasi yang dijana daripada penyelidikan, mengaplikasikan dalam kehidupan seharian dan penyesuaian pengetahuan sedia ada dari seluruh dunia dapat membentuk dasar kemajuan negara dan masyarakat. Akhirnya, tema-tema yang muncul berdasarkan analisis kandungan dapat memberi pendedahan kepada semua pemegang taruh dan institusi pengajian serta menjadi rujukan berkaitan sinergi pembelajaran Pendidikan Islam berasaskan Heutagogi-Mediamorphosis ini.

## Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia di bawah dana penyelidikan geran Fundamental Research Grant Scheme 2018-1 dengan kod rujukan FRGS/1/2018/SSI09/UITM/02/4.

## Rujukan

- Abraham, R. R., & Komattil, R. (2017). *Heutagogic approach to developing capable learners. March*.
- Agonács, N., & Matos, J. F. (2019). Heutagogy and self-determined learning : a review of the published literature on the application and implementation of the theory of the theory. *Open Learning: The Journal of Open, Distance and e-Learning*, 00(00), 1–18.
- Ahmad Nasir, M. Y., & Noralina, A. (2018). Kaedah Mooc ( Massive Open Online Course ) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Tamadun Islam Dan Civilization of Islam and the Civilization of Asia ( Titas ), Ethnic Relations ( He ) and Islamic Studies of Alaf 21 in Public and. *Proceeding of INSIGHT 2018 1st International Conference on Religion, Social Sciences and Technological Education, July*, 1–9.
- Amizah, W. (2017). New media and the royal institution in Malaysia: Cases of insult to the rulers in social media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1),

406–422.

- Bandura, A. (1977). Social learning: Theory. In *Encyclopedia of Animal Behavior* (pp. 380–386).
- Blaschke, L. M. (2018). *10 Self-determined Learning ( Heutagogy ) and Digital Media Creating integrated Educational Environments for Developing Lifelong Learning Skills. 2001.*
- Blaschke, L. M., & Hase, S. (2019). Heutagogy and digital media networks. *Pacific Journal of Technology Enhanced Learning, 1*(1), 1–14. <https://doi.org/10.24135/pjtel.v1i1.1>
- Eachempati, P., Ks, K. K., Rashid, A., & Ismail, H. (2017). *Heutagogy through Facebook for the Millennial.* 1–12.
- George D. Magoulas. (2016). *Ubiquitous Learning Architecture to Enable Learning Learning Continuum.* Knowledge Lab, Birkbeck, University of London, Malet Street, London
- Hamdan, A. (2019). Heutagogi: Isu-Isu Dan Cabaran Ke Arah Pembelajaran Holistik Di Institusi Pendidikan Tinggi. *International Conference on Global Education VII “Humanising Technology For IR 4.0,”* 1–2. International Conference on Global Education VII “Humanising Technology For IR 4.0”.
- Hase, S., & Hase, S. (2014). *Graduate College of Management Papers Heutagogy and developing capable people and capable workplaces : strategies for dealing with complexity. November.*
- Hase, S., & Kenyon, C. (2001). Moving from andragogy to heutagogy : implications for VET. *Proceedings of Research to Reality: Putting VET Research to Work: Australian Vocational Education and Training Research Association (AVETRA),* 28–30.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2007). Heutagogy: A Child of Complexity Theory. *Complicity: An International Journal of Complexity and Education, 4*(1).
- Hisham, H. T., Ahmad, R., & Rafi, N. M. (2020). *Media Tradisional vs Media Sosial : Satu Tinjauan terhadap Berita Harian Social Media and Its Impacts on Traditional Media : A Case Study on Berita Harian. 7,* 132–145.
- Jazeel, A. M. (2016). Effectiveness of Heutagogy Integrated E-Content Modules on Understanding Osmosis Among Science Students in Colleges of Education in Sri Lanka. *International Educational Applied Scientific Research Journal ISSN, 1,* 2456–5040.
- Kamarul Azmi, J. (2016). *Pendidikan sebagai medium penerapan Islam dalam Sains dan teknologi. 1*(2014).
- Kamrozzaman, N. A., Badusah, J., Muna, W., & Wan, R. (2019). *Sains Humanika Heutagogy Approach : Effectiveness of M-Learning For Lifelong Learning Pendekatan Heutagogi : Keberkesanan M-Pembelajaran untuk Pendidikan. 3*(2018), 53–61.
- KPT. (2021). Teks Perutusan Yb Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad Menteri Pengajian Tinggi. *Majlis Amanat Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Tahun 2021, 9*(1 0), 6.
- Malek, J. A. (2017). the Impact of Heutagogy Education Through Telecentre in Smart Village (Sv). *E-Bangi, 14*(2), 112–125.
- Marcut, I. G. (2018). *Heutagogy – An Appropriate Framework For Computer Aided Learning Course With Post-Graduate Teacher Students.*
- Mohd Yusoff, M. Y., & Hanafiah, M. G. (2015). Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia (The Impact of New Media on The Malay System in Malaysia). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication, 31*(2), 33–46.
- MoHE. (2013). Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025. *Education, 27*(1), 1–268.
- MoHE. (2018a). Amanat menteri pendidikan tinggi [The speech of minister of higher education]. *MoHE, 1*–25.
- MoHE. (2018b). *Framing Malaysian Higher Education 4.0: Future-Proof Talents* (First Print). Department of Higher Education Malaysia Ministry of Higher Education Malaysia.
- Mulrennan, D. (2018). *Mobile Social Media and the News : Where Heutagogy Enables*

*Journalism Education.*

- Nadelson, L. S., Berg, W., Fox, B., Grandbouche, P., Harris, M., Kroschel, T. L., & Sandoval, S. (2017). Snap, Tweet and Post: College Student Social Media Perceptions and Heutagogic Practices and Uses. *International Journal of Higher Education*, 6(4), 11.
- Nadelson, L. S., Sias, C. M., Matyi, J., Morris, S. R., Cain, R., Cromwell, M., Lund, E. M., Furse, J., Hofmannova, A., Johnson, M., Seegmiller, J., & Xie, T. (2016). A World of Information at Their Fingertips: College Students' Motivations and Practices in Their Self-Determined Information Seeking. *International Journal of Higher Education*, 5(1).
- Narayan, V., Herrington, J., & Cochrane, T. (2019). *Design principles for heutagogical learning : Implementing student-determined learning with mobile and social media tools*. 35(3), 86–101.
- Omar, F. I., Hassan, N. A., Sallehuddin, I. S., & Abdullah, N. H. (2016). Gen Y: A study on social media use and outcomes. *Journal of Management & Muamalah*, 6(1), 53–64.
- Putra, A. B. N. R., Syafrudie, H. A., Nidhom, A. M., Smaragdina, A. A., Md Yunos, J. B., Sembiring, A. I., & Eriyanto. (2020). The innovation of module training based heutagogy as an acceleration for increasing pedagogical supremacy of vocational education lecturers in the industrial revolution 4.0. *Journal of Physics: Conference Series*, 1456(1), 0–7.
- Rosmawati Mohamad Rasit. (2012). *Mediamorphosis melalui Laman Web Sosial: Dari perspektif sasaran dakwah remaja*. 1997, 1–9.
- Smith, M. (2017). Using andragogy to teach pedagogy: expecting heutagogy-using against-the-grain teaching practices for desired outcomes. *Research in Teacher Education*, 7(1), 1–15.
- Suhaimi, N. A. (2020). *Mensinergikan pengajaran matematik peringkat universiti melalui pendekatan heutagogi ke arah kurikulum tersedia masa hadapan*. 2(3), 54–67.
- Ulishchenko, A. (2016). *Personal and Professional Development of an Academic Teacher in the Context of the Lifelong Education*. 1, 73–86. *Intercultural Communication*, Vol. 1/1, 2016.